

Headline	Marhan teruja dakap Piala TNB		
MediaTitle	Kosmo		
Date	12 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	59
ArticleSize	335 cm <sup>2</sup>	Journalist	MUHAMMAD
PR Value	RM 26,182		



Kejayaan pertama dalam kariernya selepas tujuh percubaan sebelum ini

# Marhan teruja dakap Piala TNB

Oleh MUHAMMAD ZUHAILY BADLISHAH

**H**ASRAT kapten Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Muhammad Marhan Mohd. Jalil untuk menjulang Piala TNB buat kali pertama dalam kariernya akhirnya tercapai pada musim ini.

Marhan, 28, meraih kejayaan itu selepas membantu UniKL menewaskan Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) 4-3 menerusi penentuan penalti selepas kedua-dua pasukan seri 1-1 dalam aksi final di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, Kuala Lumpur kelmarin.

"Ini adalah kali pertama saya memenangi Piala TNB kerana sebelum ini sudah hampir enam atau tujuh kali saya bermain di pentas final tetapi semuanya tewas.

"Jadi, saya sangat berpuas hati dengan kejayaan ini. Kami terlepas peluang untuk menang

gelaran Divisyen Premier Liga Hoki Malaysia (MHL) 2018, gelaran Piala TNB ini sudah cukup mengubati kekecewaan kami," katanya kepada *Kosmo!* kelmarin.

Sebagai rekod, Marhan yang menyertai UniKL tahun lalu, pernah beraksi pada final Piala TNB edisi 2009 bersama Sapura, namun terpaksa akur sekadar muncul naib juara selepas tewas kepada Pasukan Hoki Terengganu (THT).

Mengulas lanjut, Marhan yang juga 'arkitek' bahagian tengah skuad kebangsaan mengakui lega kerana UniKL berjaya mengambil kesempatan kegagalan KLHC pada penentuan penalti untuk bergelar juara buat kali pertama sejak ditubuhkan 2009.

Bintang hoki dari Negeri Sembilan itu mendedahkan, dia tidak menyukai penentuan penalti kerana setiap pemain perlu



MARHAN (kiri) berusaha menghalang pemain KLHC, Nabil Fiqri Mohd Noor ketika membantu UniKL menjulang kejuaraan Piala TNB dalam aksi final di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil, Kuala Lumpur malam kelmarin.

membuat keputusan dalam tempoh cepat dan mempunyai satu peluang sahaja. "Kalau boleh memang saya

mengharapkan pemenang ditentukan dalam tempoh 60 minit permainan kerana saya tidak suka pukulan penalti.

"Bukan saya tidak dipercayai rakan-rakan sepasukan tetapi saya gemuruh dalam tempoh lapan saat untuk mengambil pukulan penalti. Pemain perlu buat keputusan cepat dalam masa lapan saat dan jika gagal, peluang tidak akan datang lagi," jelasnya.

Pada perlawanan itu, UniKL membuka tirai jaringan menerusi Glenn Turner sebelum Jang Jonghyun menyamakan kedudukan buat KLHC.

Sewaktu penentuan penalti, bintang Belanda, Jeroen Hertzberger muncul wira UniKL apabila memanfaatkan pukulan penalti terakhir dengan menewaskan penjaga gol KLHC, Roslan Jamaluddin, sekali gus memastikan Piala TNB menjadi milik UniKL.